

DR. 37/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No. 2) 1998

SUSUNAN FASAL

BABI

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas.
2. Pindaan Akta.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
4. Pindaan seksyen 13.
5. Pindaan seksyen 34.
6. Pindaan seksyen 44.
7. Pindaan seksyen 54A.
8. Pindaan seksyen 60.
9. Penggantian seksyen 130.
10. Jadual bam 4c.
11. Pindaan Jadual 6.
12. Pindaan Jadual 7.
13. Pindaan Jadual 7A.

## *Rang Undang-Undang*

### BAB III

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Fasal

14. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.
15. Pindaan seksyen 53.

### BAB IV

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN 1990

16. Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.
17. Pindaan seksyen 2.
18. Pemotongan seksyen 10A.

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAB I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No.2) 1998.

**Pindaan Akta**

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*] dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 [*Akta 445*] dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bab II, III, dan IV.

## BAB II

## PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967**

3. (1) Kecuali seksyen 4, 6, 10 dan 13, Bab ini hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1999 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 4 hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 24 Oktober 1998.

(3) Seksyen 6 dan 10 hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(4) Seksyen 13 hendaklah disifatkan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1998 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

### **Pindaan seksyen 13**

4. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, dipinda dengan menggantikan subperenggan 13(l)(b)(ii) dengan subperenggan yang berikut:

"(ii) a benefit or amenity consisting of—

(A) leave passages for travel within Malaysia not exceeding three times in any calendar year; or

(B) one leave passage for travel between Malaysia and any place outside Malaysia in any calendar year, limited to a maximum of three thousand ringgit:

Provided that the benefit or amenity enjoyed under this subparagraph is confined only to the employee and members of his immediate family."

### **Pindaan seksyen 34**

5. Perenggan 34(6)(h) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "relevant authority" dengan perkataan "Minister".

### **Pindaan seksyen 44**

6. Seksyen 44 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (l)(b) dengan menggantikan perkataan "or 4B" dengan perkataan ", 4B or 4c";

(b) dalam subseksyen (6) dengan menggantikan perkataan "or 4B," dengan perkataan ", 4B or 4c"; dan

- (c) dalam subseksyen (6A) dengan menggantikan perkataan "or 4B," dengan perkataan ", 4B or 4c".

Pindaan seksyen 54A

7. Seksyen 54A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Subject to the following subsections, where a person who is resident for the basis year for a year of assessment carries on the business of—

- (a) transporting passengers or cargo by sea on a Malaysian ship; or  
(b) letting out on charter a Malaysian ship owned by him on a voyage or time charter basis,

the statutory income for that year of assessment from that business shall be exempt from tax.";

- (b) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "the business of transporting passengers or cargo on board a Malaysian ship" dengan perkataan "a business in respect of which his income is exempt under subsection (1)"; dan

- (c) dalam subseksyen (6)—

- (i) dengan menggantikan koma bertitik yang terdapat di hujung takrif "person" dengan noktah; dan  
(ii) dengan memotong takrif "transporting passengers or cargo".

Pindaan seksyen 60

8. Seksyen 60 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperenggan (3A)(a)(iii) dengan subperenggan yang berikut:

"(iii) the amount of the actuarial surplus from the life fund that is transferred to the shareholders' fund; and"; dan

(b) dengan menggantikan subperenggan (4A)(a)(iii) dengan subperenggan yang berikut:

"(iii) the amount of the actuarial surplus from the life fund that is transferred to the shareholders' fund; and".

### **Penggantian seksyen 130**

9. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 130 dengan seksyen yang berikut:

“Non-resident citizen relief. 130. (1) There shall be allowed a relief to an individual who is a citizen but not resident for the basis year for a year of assessment by reason of his employment which is exercised outside Malaysia in the public services or the service of a statutory authority.

(2) The relief shall be such relief as will reduce the amount of tax chargeable on him in respect of his chargeable income for that year of assessment to an amount which bears the same proportion to the amount of tax which would be so chargeable if he were resident for that basis year and the tax were charged on his aggregate income as the amount of his total income bears to the amount of his aggregate income.

(3) An individual claiming relief under this section shall make his claim in the prescribed form and shall furnish such further particulars as the Director General may require.

(4) In this section, "aggregate income", in relation to an individual claiming relief under this section for a year of assessment, means his total income, accruing in or derived from Malaysia or elsewhere, computed in accordance with the provisions of this Act:

Provided that where section 45(2) applies in arriving at the aggregate income the reference to total income shall include the total income of the wife of the individual."

**Jadual baru 4c**

**10.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual 4B Jadual yang berikut:

"SCHEDULE 4C

(Section 44)

*Deduction for Approved Food Production Projects*

1. Subject to this Schedule, a company resident in Malaysia in the basis year for a year of assessment (referred to in this Schedule as a "surrendering company") may surrender its adjusted loss, in full or in part, in the basis period for that year of assessment in respect of an approved food production project to one or more related companies resident in Malaysia in the basis year for that year of assessment (referred to in this Schedule as a "claimant company").
2. In relation to an approved food production project—
  - (a) the application for approval for the project shall be made not later than 31 December 1999;
  - (b) the project shall commence within one year from the date of approval; and
  - (c) at least eighty per cent of the sales, if any, of the produce are made within Malaysia.
3. For the purposes of this Schedule, a surrendering company is related to a claimant company if at the end of the basis period for a year of assessment at least—
  - (a) seventy per cent of the issued share capital of the surrendering company are directly owned by the claimant company;
  - (b) seventy per cent of the issued share capital of the claimant company are directly owned by the surrendering company; or
  - (c) seventy per cent each of the issued share capital of the surrendering company and claimant company are directly owned by another company.
4. The amount of adjusted loss surrendered shall be allowed as a deduction against the aggregate income of the claimant company pursuant to section 44(1).
5. Any amount of adjusted loss from the approved food production project that is not surrendered in any year of assessment shall not be available to any claimant company for any subsequent year of assessment.
6. Where the basis period of the surrendering company does not coincide with the basis period of the claimant company, the adjusted loss from the approved

food production project shall be deemed to have accrued evenly over the basis period of the surrendering company and the amount of adjusted loss surrendered shall not exceed such amount that is apportioned to the period that coincides with the basis period of the claimant company.

7. Where a company has commenced an approved food production project, that company shall maintain a separate account for the income derived from that project:

Provided that where expenses have been incurred by that company which are not directly attributable to that project, the Director General may allocate as expenses such amount as might reasonably and properly have been incurred in the normal course of its business in respect of such project.

8. Any claim for a deduction under this Schedule shall be made in a written statement and shall be accompanied by a notice of consent given by the surrendering company containing such particulars as to show the amount of adjusted loss being surrendered.

9. Notwithstanding the foregoing provisions of this Schedule, where it appears to the Director General that the deduction as mentioned in paragraph 4 ought not to have been so given, the Director General may raise such assessment or additional assessment upon that claimant company as may be necessary in order to make good any loss of tax.

10. The provisions of this Schedule shall not apply to a surrendering company which has been allowed a deduction under Schedule 4A or given an allowance *Act 327*, under Schedule 7.A, or granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of the same activity.

11. In this Schedule, "approved food production project" means an agricultural project which is approved by the Minister of Agriculture for the cultivation of maize for animal feed, cattle farming or any other activities as may be prescribed by the Minister of Finance."

## **Pindaan Jadual 6**

### **11. Jadual 6 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan 1 A dan 1 B dengan menggantikan perkataan "Raja Permaisuri or Tengku Ampuan" dengan perkataan "Tengku Ampuan, Raja Permaisuri, Tengku Permaisuri, or Permaisuri";
- (b) dalam perenggan 30 dengan memotong perkataan "resident for the basis year for a year of assessment";

(c) dengan menggantikan perenggan 34 dengan perenggan yang berikut:

"34. (1) Income of an individual derived from exercising an employment on board a Malaysian ship.

(2) For the purposes of subparagraph (1), "Malaysian ship" has the same meaning as in section 54A(6)."; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan 35 perenggan yang berikut:

"35A. Income of a unit trust in respect of interest derived from Malaysia and paid or credited by any *Act 372.* bank or financial institution licensed under the Banking *Act 276.* and Financial Institutions Act 1989 or the Islamic Banking Act 1983."

#### **Pindaan Jadual 7**

**12.** Jadual 7 kepada Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan 8.

#### **Pindaan Jadual 7A**

**13.** Jadual 7A kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (1)(a) dengan memasukkan selepas koma bertitik perkataan "and";

(b) dalam subperenggan (1)(b) dengan menggantikan perkataan "; and" dengan koma; dan

(c) dengan memotong subperenggan (1)(c).

### **BAB III**

#### **PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976**

#### **Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976**

**14.** Bab ini hendaklah mula berkuat kuasa apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

**Pindaan seksyen 53**

15. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dipinda dengan menggantikan perenggan 53(2)(a) dengan perenggan yang berikut:

"(a) mengenai sesuatu syarikat, perkongsian atau kumpulan orang yang mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia—

- (i) ke pejabat berdaftar itu;
- (ii) ke alamatnya yang terakhir diketahui; atau
- (iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima penyampaian proses itu;"

**BAB IV****PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN  
LUAR PESISIR LABUAN 1990****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti  
Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990**

16. Bab ini hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1999 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

**Pindaan seksyen 2**

17. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)-

(a) dengan menggantikan proviso kepada takrif "aktiviti perniagaan luar pesisir" dengan proviso yang berikut:

"Dengan syarat bahawa—

- (a) berhubung dengan syarikat luar pesisir yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir, aktiviti itu bolehlah dijalankan dengan pemastautin dan, jika dibenarkan di bawah subseksyen (2) seksyen 20 Akta Bank Luar Pesisir 1990, transaksi bolehlah dijalankan dalam mata wang Malaysia;

*Akta 443.*

- (b) berhubungan dengan syarikat luar pesisir yang menjalankan perniagaan insurans luar pesisir, aktiviti itu bolehlah dijalankan dengan pemastautin dan, jika dibenarkan di bawah subseksyen (2) seksyen 21 Akta Insurans Luar Pesisir 1990, transaksi bolehlah dijalankan dalam mata wang Malaysia;
- Akta 444.* (c) berhubungan dengan pemegangan pelaburan oleh suatu syarikat luar pesisir dalam suatu syarikat domestik, pemegangan itu bolehlah dalam mata wang Malaysia;
- (d) berhubungan dengan syarikat luar pesisir yang menjalankan perniagaan pembrokeran wang, aktiviti itu bolehlah dijalankan dengan pemastautin jika dibenarkan di bawah perenggan (a) subseksyen (3) seksyen 7 Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;
- Akta 441.* (e) berhubungan dengan syarikat luar pesisir yang menjalankan perniagaan pemajakan luar pesisir, aktiviti itu bolehlah dijalankan dengan pemastautin jika dibenarkan di bawah perenggan (a) subseksyen (3) seksyen 7 Akta Syarikat Luar Pesisir 1990; atau
- (f) Menteri boleh meluluskan perjalanan aktiviti itu dengan pemastautin atau transaksi itu dalam mata wang Malaysia;" dan
- (b) dengan memasukkan selepas takrif "Menteri" takrif yang berikut:

' "operasi perkapalan" ertinya pengangkutan penumpang atau kargo melalui laut atau penyewaan berdasarkan carter kapal atas asas carter perjalanan atau masa;'

### **Pemotongan seksyen 10A**

18. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 10A.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

## BAB II

## PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Akta Cukai Pendapatan 1967 disebut "Akta 53" dalam Bab ini.

2. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 53. Dengan pindaan ini, faedah yang terdiri daripada tambang cuti bagi perjalanan di antara Malaysia dengan mana-mana tempat di luar Malaysia adalah dihadkan kepada tiga ribu ringgit. Apa-apa amaun yang melebihi tiga ribu ringgit akan kini boleh ditaksirkan untuk bayaran cukai. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 24 Oktober 1998.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 34(6)(h) Akta 53 supaya pihak berkuasa yang memberi kelulusan untuk sesuatu potongan di bawah perenggan itu bukan lagi pihak berkuasa yang relevan tetapi Menteri Kewangan. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1999.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 53. Perenggan 44(l)(b) dipinda untuk membenarkan suatu potongan dibuat di bawah Jadual baru 4c. Subseksyen 44(6) dan 44(6A) dipinda untuk memasukkan sebutan tentang Jadual 4c berbangkit daripada pindaan kepada perenggan 44(l)(b). Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 54A Akta 53. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk memasukkan pendapatan berkenaan dengan carter perjalanan atau masa bagi kapal Malaysia yang dipunyai oleh seseorang pemastautin sebagai pendapatan yang dikecualikan daripada cukai. Pendapatan daripada perniagaan pengangkutan penumpang atau kargo masih dikecualikan daripada cukai. Memandangkan pindaan kepada subseksyen 54A(1), takrif "transporting passengers or cargo" dalam subseksyen 54A(6) tidak lagi sesuai dan dengan itu dipotong. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1999.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 60 Akta 53. Pindaan tersebut adalah bagi memperuntukkan bahawa pendapatan kumpulan wang pemegang saham hendaklah termasuk amaun lebihan aktuari yang dipindahkan dari kumpulan wang hayat ke kumpulan wang pemegang saham. Sebelum pindaan ini, pendapatan kumpulan wang pemegang saham termasuk amaun lebihan aktuari yang telah dilaraskan yang timbul daripada kumpulan wang hayat sebagaimana yang diagihkan kepada kumpulan wang pemegang saham. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1999.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 130 Akta 53. Dengan pindaan ini relif kini hanya diberikan kepada individu bukan pemastautin jika individu

itu ialah seorang warganegara dan dalam penggajian perkhidmatan awam atau perkhidmatan suatu pihak berkuasa berkanun dan individu itu menjadi bukan pemastautin disebabkan oleh penggajian tersebut. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1999.

8. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan Jadual baru 4c ke dalam Akta 53. Dalam Jadual yang dicadangkan itu, peruntukan dibuat untuk membolehkan sesuatu syarikat menyerahkan kerugian terlarasnya berkenaan dengan projek pengeluaran makanan yang diluluskan kepada suatu syarikat yang berkaitan. Makna syarikat yang berkaitan diperuntukkan dalam perenggan 3 Jadual yang dicadangkan. Kerugian terlaras yang diserahkan itu akan boleh dipotong daripada pendapatan agregat syarikat yang berkaitan itu menurut seksyen 44. Apa-apa kerugian terlaras yang tidak diserahkan dalam sesuatu tahun taksiran akan, mengikut peruntukan undang-undang, dibawa ke hadapan dan tidak boleh diserahkan dalam tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2000.

9. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda Jadual 6 kepada Akta 53. Perenggan 30 dipinda supaya pencen yang diterima oleh seseorang individu, sama ada pemastautin atau tidak, adalah dikecualikan daripada cukai. Perenggan 35A dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa pendapatan bunga yang diterima oleh amanah saham juga dikecualikan daripada cukai. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1999.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda Jadual 7A kepada Akta 53. Subperenggan 1 (c) dipotong supaya kriteria berhubung dengan kenaikan produktiviti tidak lagi menjadi prasyarat bagi suatu syarikat layak mendapat elaun pelaburan semula. Pindaan ini akan disifatkan telah berkuat kuasa dari tahun taksiran 1998.

### BAB III

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

11. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda perenggan 53(2)(a) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Pindaan ini memperuntukkan cara bagaimana penyampaian notis hendaklah dilaksanakan dalam hal suatu syarikat, perkongsian atau kumpulan orang yang mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

### BAB IV

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN 1990

Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 disebut "Akta 445" dalam Bab ini.

12. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 445. Pindaan tersebut adalah untuk memasukkan proviso baru kepada takrif "aktiviti perniagaan luar pesisir". Oleh yang demikian, sesuatu syarikat luar pesisir yang menjalankan sama ada perniagaan pembrokeran wang atau pemajakan boleh sekarang ini menjalankan perniagaan-perniagaan tersebut dengan pemastautin. Perenggan (f) telah dimasukkan ke dalam proviso untuk membolehkan Menteri meluluskan aktiviti perdagangan luar pesisir atau bukan perdagangan luar pesisir yang tertentu dijalankan dengan pemastautin atau transaksi dijalankan dalam mata wang Malaysia. Pindaan ini juga mengadakan peruntukan bagi takrif "operasi perkapalan" supaya operasi perkapalan yang berhubungan dengan kapal yang dicarter atas asas "kapal kosong" hendaklah menjadikan aktiviti perniagaan luar pesisir. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1999.

13. *Fasal 18* bertujuan untuk memotong seksyen 10A Akta 445. Dengan pindaan ini, sesuatu syarikat luar pesisir tidak lagi mempunyai pilihan untuk membayar kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan suatu fi yang ditetapkan di bawah seksyen 151 Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 sebagai ganti cukai. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1999.

AM

14. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini adalah kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN(U<sup>2</sup>)2107]